

20/11/1999

Ahli wajar sokong walaupun digugur

JOHOR BAHRU, Jumaat - Pengerusi Barisan Nasional (BN) negeri, Datuk Abdul Ghani Othman meminta semua ahli parti dan mereka yang tidak dicalonkan semula, agar memberi sokongan tidak berbelah bagi dalam pilihan raya kali ini.

Beliau menegaskan komitmen tinggi perlu ada dalam setiap ahli parti kerana setiap pencalonan BN negeri adalah perjuangan untuk parti dan bukan kerana individu.

"Saya juga mendapat jaminan Tok Mat (Datuk Seri Mohamed Rahmat) sendiri walaupun beliau tidak dicalonkan semula kali ini. Beliau berjanji turun ke padang memberi sokongan padu kepada calon lain.

"Inilah semangat yang harus ada pada ahli parti," katanya selepas mengumumkan senarai calon BN Johor bagi mempertahankan semua 40 Kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dan 20 Parlimen, di kediaman rasminya di Saujana, di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas mengenai langkah menggugurkan 19 wakil rakyat sedia ada iaitu kira-kira 32 peratus, termasuk Mohamed daripada bertanding semula dalam pilihan raya kali ini.

Mohamed yang juga Setiausaha Agung BN tidak dicalonkan semula bagi kerusi Parlimen Pulai dan desas-desus mengenai perkara itu sebelum ini sudah menimbulkan keresahan di kalangan penyokongnya.

Abdul Ghani yang juga Ketua Perhubungan Umno negeri berkata, senarai calon BN itu hanya diputuskan kira-kira jam 4 petang semalam selepas dipersetujui Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Malah, beliau hanya pulang ke Johor lewat petang semalam dan sepanjang ketiadaannya selama empat hari itu, ia menimbulkan pelbagai spekulasi termasuk mengenai kedudukan Mohamed.

Abdul Ghani menegaskan setiap ahli seharusnya akur dengan keputusan pucuk kepimpinan dan apa yang penting sekarang, mereka melaksanakan tugas membanteras perpecahan yang dibuat oleh pembangkang.

"Semua calon bagi kerusi DUN harus membantu calon kerusi Parlimen dan sebaliknya. Ini dapat menguatkan jentera BN serta meningkatkan perpaduan dan keyakinan kepada pengundi," katanya.

Beliau meminta setiap calon sentiasa merujuk kepada jentera bahagian masing-masing bagi menyusun strategi dalam memastikan kemenangan BN di setiap kawasan.

"Ini bagi membolehkan BN negeri memantau setiap jentera kerana sembilan hari diberikan untuk berkempen sehingga hari pengundian harus dipergunakan sebaik mungkin.

"Jangan sampai kerja bertahun-tahun sebelum ini hilang begitu saja. Hari berkempen mesti bijak digunakan," katanya.

(END)